

Raja tidak boleh berkempen — PM

(P)

U.M. 30 JAN 1993

JITRA 29 Jan. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, perbuatan raja melibatkan diri dalam kempen politik adalah bertentangan dengan perlembagaan.

Katanya, perlembagaan tidak membenarkan raja melibatkan diri secara langsung terutama dalam politik parti.

"Perbuatan ini akan menjejaskan imej raja," kata Dr. Mahathir ketika ditanya mengenai tindakan Tengku Mahkota Johor berkempen dengan parti pembangkang di kawasan FELDA di negeri itu berhubung isu pindaan perlembagaan.

Tengku Mahkota Johor dilaporkan telah berkempen di tiga tempat — rumah Ketua Semangat 46 di FELDA Bukit Batu,

FELDA Bukit Ramon dan rumah seorang bekas pekerja istana di FELDA Sungai Sayong.

Dr. Mahathir berkata, pihak yang tidak setuju dengan perbuatan itu kelak akan membuat kecaman hebat terhadap raja-raja.

"Ini akan menjadikan mereka tidak lagi raja, dan mereka akan dikesam dan dipermainkan," kata beliau kepada para pembesita selepas menghadiri perjumpaan dengan pengundi-pengundi Kubang Pasu (kawasan Parlimennya) di Dewan Jitra di sini hari ini.

Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff dan ahli-ahli Exco, adalah di antara lebih 2,000 orang yang hadir pada perjumpaan itu.

Ditanya sama ada rang undang-undang pindaan perlembagaan yang diluluskan oleh Parlimen minggu lalu sudah ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong, Dr. Mahathir berkata beliau belum diberitahu perkembangannya.

Perdana Menteri menambah, beliau juga tidak mendapat sebarang maklum balas mengenai pendirian pihak istana berhubung dengan Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan.

Sementara itu, di Merlimau, Melaka, Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba menasihatkan Tengku Mahkota Johor supaya menghentikan tindakannya mencampuri

LIHAT MUKA 2

Raja tidak boleh berkempen — PM

U.M. 30 JAN 1993

urusan politik kerana ia akan menjadi "lebih berbahaya" kepada sistem beraja.

Serentak dengan itu, beliau menegaskan, perbuatan Tengku Mahkota itu adalah melanggar etika yang raja tidak boleh mencampuri politik.

"Saya menasihatkan Tengku Mahkota Johor supaya hentikan tindakan itu. Sekiranya lebih kerap dilakukan, ia menjadi lebih berbahaya kepada sistem beraja," tegasnya kepada para wartawan selepas bersembayang Jumaat di

masjid Merlimau, di sini.

Beliau juga berkata, jika perhimpunan politik itu diadakan secara haram, tindakan boleh diambil oleh polis.

Katanya, dia difahamkan yang kempen politik itu tidak mendapat sambutan dari masyarakat FELDA.

Menjawab satu pertanyaan lain, Ghafar berkata, kerajaan tidak mahu campur tangan soal dalam menarik balik penganugerahan pingat, darjah dan bintang dari sultan dan raja.